



Wadah Mahasiswa
Manfaat media sosial dalam pembangunan akademik *Muka 4*

Personaliti
Seronok teroka bidang peragaan *Muka 12*

Jangan sampai sebar **fitnah**

Media sosial platform siar komen negatif, dakwah politik jejas keharmonian kaum

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Kuala Lumpur: Media sosial adalah satu daripada platform popular yang mempunyai peranan besar dalam kehidupan masyarakat kini.

Penggunaan Instagram, Facebook, Twitter, WhatsApp dan Telegram dalam kalangan masyarakat tidak kira peringkat umur bagaikan, 'nyawa' kerana bukan sekadar untuk mendapatkan maklumat malah ada yang menjadikan platform media sosial sebagai medan

meluahkan perasaan.

Selain itu, pembabitan aktif mahasiswa masa kini yang terbabit dalam dunia perniagaan tidak kira secara dalam talian atau langsung, juga tidak terlepas menggunakan media sosial sebagai platform mereka membuat pemasaran dan promosi.

Namun apa yang membimbangkan, ketagihan mahasiswa atau golongan belia terhadap penggunaan media sosial dalam diri mereka boleh menyumbang kepada kurangnya adab dalam mereka berkomunikasi.

Berdasarkan kajian oleh Cress (2010), 76 peratus individu yang mendapatkan rawatan untuk masalah ketagihan media mengalami masalah kemurungan, manakala 24 peratus selebihnya pula mengalami masalah gangguan kebimbangan.

Keadaan ini menjurus kepada semakin banyak penggunaan media sosial, semakin besar kemungkinan mereka akan mengalami masalah kesihatan mental seperti tidak mahir bersosial, kemurungan dan keresahan (Cress, 2010).

Sentiasa jaga adab, nilai murni

Dari muka 1

Bagi pelajar tahun tiga Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Muhd Amir Fitri Azizi, menjaga adab adalah satu nilai murni yang dilatih sejak kecil lagi.

Katanya, dari rumah, setiap individu diajar menjaga adab oleh ibu bapa sehinggalah umur meningkat dewasa, apabila setiap apa yang dilakukan kita perlu melaksanakannya dengan adab murni.

“Sama seperti dalam media sosial. Mungkin ada setengah warga net menganggap bahawa

apabila memuat naik sesuatu perkara atau pun memberi komen negatif, ia tidak akan diketahui dengan pembinaan akaun palsu.

“Namun berbalik pada adab seseorang, ke mana pun kita pergi, adab perlu dijaga. Seseorang itu perlu memastikan setiap status yang dimuat naik tidak menimbulkan sensitiviti mana-mana pihak.

“Media sosial perlu dijadikan sebagai platform yang digunakan oleh mahasiswa secara waras, justeru, berfikir sebelum memuat naik dan memberi komen.

“Jadikan medium media sosi-

al ini sebagai penghubung bukan memusnahkan ikatan persahabatan atau sesama manusia bukan mencari musuh,” katanya.

Selain itu, kajian Jamaludin (2013), pelajar sekolah sering terabit dalam isu ketagihan media sosial disebabkan tidak ada disiplin dalam diri, pengurusan masa dan tiada dorongan daripada keluarga atau orang lain yang lebih dewasa.

Kekerapan golongan muda dalam penggunaan media sosial secara berlebihan menyebabkan individu lebih gemar meluangkan masa secara bersendirian ini termasuklah golongan mahasiswa yang secara tidak langsung



Muhd Amir Fitri Azizi

mengurangkan interaksi secara bersemuka serta menjadikan mereka antisosial.

Apa yang lebih membimbangkan, situasi bagaimana golongan muda termasuk mahasiswa menggunakan medium media sosial tidak kira muat naik status peribadi mereka mahupun meninggalkan komen ada kala berbaur negatif seterusnya meninggalkan impak peribadi yang tidak baik.

Muat naik seperti memaki hamun, memberi komen berbaur perkauman atau provokasi seolah makanan harian warga net yang juga rata-rata golongan itu terdiri daripada generasi muda.